

MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

1 JAM 15 MINIT

3767/1

EKONOMI

Kertas 1

ARAHAN :

1. Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.
3. Jawab semua soalan.
4. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

NAMA :

TINGKATAN :

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

3767/1

[Lihat halaman sebelah

- 1 Apakah tujuan kerajaan membuat pilihan?
- A Meningkatkan keupayaan pengeluaran
 - B Mengatasi kekurangan sumber modal
 - C Mengoptimum kebajikan masyarakat
 - D Memaksimum kepuasan rakyat

- 2 Pasangan yang manakah betul tentang sumber ekonomi?

	Sumber Ekonomi	Keterangan
A	Tanah	Penawaran yang bersifat tetap dari aspek lokasi dan geografi
B	Modal	Pemilik terima pulangan atas kesanggupan tanggung risiko
C	Buruh	Menggabung sejumlah input untuk menghasilkan output
D	Usahawan	Membekal faktor pengeluaran dalam proses pengeluaran

- 3 Jadual 1 menunjukkan produk dan kombinasi pengeluaran bagi dua barang.

Produk	Kombinasi Pengeluaran	
	F	G
Coklat	110 unit	160 unit
Biskut	95 unit	40 unit

Jadual 1


Berapakah kos lepas sekiranya kombinasi pengeluaran berubah dari F ke G?

- A 110 unit coklat
- B 95 unit biskut
- C 55 unit biskut
- D 50 unit coklat

Ekonomi K1 Set 1

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

- 4 Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran bagi barang A dan B.



Pasangan yang manakah betul tentang titik kombinasi pengeluaran di atas?

	Titik	Keterangan
A	P	Wujud masalah kekurangan input pengeluaran
B	Q	Kecekapan pengeluaran semakin berkurangan
C	R	Ekonomi mencapai guna tenaga penuh
D	S	Berlaku pengangguran dalam pasaran

- 5 Pasangan manakah yang betul tentang ciri sistem ekonomi tersebut?

	Sistem Ekonomi Kapitalis	Sistem Ekonomi Sosialis
A	Harga pasaran ditentukan melalui persetujuan pengeluar	Harga pasaran ditentukan oleh persetujuan pemerintah
B	Output dikeluarkan melalui penggunaan kos minimum	Output dikeluarkan bermatlamatkan kebajikan maksimum
C	Input pengeluaran dimiliki oleh swasta	Input pengeluaran penting milik negara dan swasta
D	Persaingan bebas pengguna dalam pemilikan barangan ekonomi	Persaingan bebas pengguna dalam pemilikan barang awam

6 Maklumat berikut menunjukkan ciri bagi satu sistem ekonomi.

- Kebebasan menjana keuntungan maksimum
- Harga ditentukan melalui mekanisme harga

Cara negara tersebut menyelesaikan masalah untuk siapa dikeluarkan ialah

- A mengutamakan penggunaan produk yang berkualiti
- B memilih barang mengikut kehendak pasaran
- C berdasarkan kos pengeluaran minimum
- D berpandukan kemampuan membayar

7 Pernyataan yang manakah **betul** tentang ekonomi Islam?

- A Persaingan adil antara firma dalam menghasilkan output
- B Keuntungan maksimum adalah motif pengeluaran barangan
- C Sumber kekayaan bebas dimiliki oleh setiap anggota masyarakat
- D Wujud keseimbangan antara kepentingan individu dengan awam

- 8 Pernyataan yang manakah **betul** berkaitan perubahan dalam kuantiti diminta?
- A Berlakunya pertambahan atau pengurangan permintaan
 - B Ditunjukkan oleh peralihan keluk ke kanan atau ke kiri
 - C Berpunca daripada pemilikan pendapatan individu
 - D Disebabkan oleh faktor penentu harga barang itu
- 9 Jadual 2 menunjukkan harga dan perubahan kuantiti penawaran komputer riba dari bulan Januari ke bulan Julai.

Harga (RM)	Jumlah Penawaran (unit)	
	Januari	Julai
1 550	10 000	10 500

Jadual 2


Apakah faktor yang menyebabkan perubahan tersebut?

- A Peruntukan subsidi dalam bajet ditambah
- B Kadar tarif bahan mentah import dinaikkan
- C Harga dijangka meningkat pada masa hadapan
- D Matlamat firma untuk memaksimumkan untung

10 Pilih keterangan yang betul berkaitan dengan peralihan keluk permintaan.

	Rajah	Keterangan
A	<p>Harga (RM)</p> <p>P_0</p> <p>D_0 D_1</p> <p>0 Q_0 Q_1 Kuantiti (unit)</p>	Berlaku pengembangan permintaan oleh pengguna
B	<p>Harga (RM)</p> <p>P_0</p> <p>D_0 D_1</p> <p>0 Q_0 Q_1 Kuantiti (unit)</p>	Peningkatan harga barang penggenap dalam pasaran
C	<p>Harga (RM)</p> <p>P_0</p> <p>D_1 D_0</p> <p>0 Q_1 Q_0 Kuantiti (unit)</p>	Harga barang tersebut dijangka jatuh pada masa depan
D	<p>Harga (RM)</p> <p>P_0</p> <p>D_1 D_0</p> <p>0 Q_1 Q_0 Kuantiti (unit)</p>	Dikenali sebagai perubahan dalam kuantiti diminta

- 11 Rajah 2 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran bagi barang G.



Rajah 2

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah tersebut?

- A Pada harga RM20 wujud lebih permintaan sebanyak 160 unit
 - B Pada harga RM30 firma menentukan kuantiti keseimbangan 120 unit
 - C Perubahan harga RM30 ke RM20 berlaku pertambahan permintaan 40 unit
 - D Perubahan harga RM20 ke RM30 mengakibatkan pengembangan penawaran 20 unit
- 12 Jadual 3 menunjukkan harga dan kuantiti diminta terhadap dapur elektrik.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)
400	1 000
350	1 200

Jadual 3

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan barang tersebut jika harga jatuh daripada RM400 kepada RM350?

- A 0.63
- B 0.75
- C 1.33
- D 1.60

- 13 Jadual 4 menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan harga bagi barang K.

Peratus perubahan kuantiti diminta	Peratus perubahan harga barang itu
50	35

Jadual 4

Pernyataan yang manakah **betul** tentang barang tersebut?

- A Kegunaan yang pelbagai dinikmati oleh masyarakat dalam pasaran
 - B Tanggungan cukai oleh peniaga lebih kecil berbanding pengguna
 - C Peniaga perlu naikkan harga untuk tingkatkan jumlah hasil
 - D Contoh produk tersebut adalah kategori barang keperluan
- 14 Antara yang berikut, yang manakah merupakan fungsi bank pusat sebagai pengawal kestabilan nilai mata wang?
- I Mengurus pertukaran ringgit berbanding Dolar Amerika
 - II Mengubah kadar faedah pinjaman bank perdagangan
 - III Mengawal tekanan inflasi dalam negara
 - IV Menetapkan sandaran minimum rizab emas
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 15 Kegiatan ekonomi di sektor kedua ialah
- A menyiapkan bangunan rumah kediaman
 - B mengeluarkan hasil bumi mengikut bentuk asal
 - C menawar kegiatan sokongan kepada sektor lain
 - D membekal barangan untuk kebajikan masyarakat

16 Apakah faedah sampingan dalam pemilihan pekerjaan?

- A Kemudahan pinjaman beli kenderaan
- B Masa perjalanan singkat ke pejabat
- C Waktu bekerja yang fleksibel
- D Tempat kerja berhawa dingin

17 Jadual 5 menunjukkan pendapatan dan pembayaran Encik Abu dalam setahun.

Butiran	Jumlah (RM)
Pendapatan	35 800
Caruman KWSP	3 850
Cukai pendapatan	380
Bayaran zakat	360
Premium insuran hayat	1 200

Jadual 5

Berapakah pendapatan boleh guna Encik Abu pada tahun tersebut?

- A RM31 570
- B RM31 210
- C RM30 370
- D RM30 010

18 Manakah merupakan fitur yang mempengaruhi pembelian secara kredit?

- A Tingkat harga barang yang ditentukan oleh peniaga
- B Tempoh masa pembiayaan kewangan oleh bank
- C Baki jumlah bayaran yang perlu dijelaskan
- D Beban kewangan tanggungan pengguna

- 19 Apakah kepentingan individu menyediakan belanjawan peribadi?
- A Menyediakan tabungan untuk keluarga
 - B Menambah pendapatan benar pada hari tua
 - C Merancang bayaran hutang atas pembelian aset
 - D Membelanja lebih pendapatan ke atas barang kehendak
- 20 Gambar 1 merupakan contoh input yang digunakan dalam proses pengeluaran.



Gambar 1

Pernyataan yang manakah **betul** tentang input tersebut?

- A Berubah mengikut perubahan keluaran
 - B Wujud walaupun operasi belum bermula
 - C Kos tetap adalah bayaran atas penggunaan
 - D Sukar ditambah dalam jangka masa pendek
- 21 Jadual 6 menunjukkan output dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Output (unit)	Jumlah Kos (RM)
10	630
15	680
20	740

Jadual 6

Berapakah kos marginal bagi keluaran ke-15?

- A RM10.00
- B RM12.00
- C RM45.33
- D RM52.40

22 Manakah yang **betul** berkaitan dengan peranan kerajaan sebagai majikan?

- A Membekalkan barang awam untuk kepuasan rakyat
- B Mengawal kestabilan harga barangan dalam pasaran
- C Menyediakan faedah sampingan kepada penjawat awam
- D Melaksana dasar harga minimum demi kebajikan pengguna

23 Inflasi tarikan permintaan berlaku disebabkan oleh

- A ekonomi telah mencapai guna tenaga penuh
- B nilai mata wang tempatan lebih rendah
- C peningkatan harga bahan mentah
- D kos import barang yang tinggi

24 Maklumat berikut berkaitan sejenis pengangguran dalam ekonomi.

- Kemosrotan dalam industri tertentu menyebabkan pembuangan pekerja dalam sektor berkenaan.
- Pekerja tersebut sukar mencari pekerjaan dalam sektor ekonomi yang lain.

Apakah yang menyebabkan situasi tersebut berlaku?

- A Sikap buruh yang terlalu memilih pekerjaan
- B Berlaku ketidakstabilan harga komoditi
- C Kelewatan iklan kekosongan jawatan
- D Firma mengurangkan pengeluaran

25 Pernyataan yang manakah **betul** berkaitan dasar fiskal mengembang?

- A Pembinaan projek pembangunan berkurang
- B Perolehan hasil cukai langsung meningkat
- C Kadar pengangguran cenderung naik
- D Kuasa beli pengguna merosot

26 Manakah merupakan hasil cukai langsung kerajaan?

- A Duti eksport
- B Duti import
- C Duti eksais
- D Duti setem

27 Jadual 7 menunjukkan sebahagian perbelanjaan kerajaan pada tahun 2022.

Butiran	RM (juta)
• Selenggara sekolah dan kem tentera	230
• Penyediaan bekalan elektrik luar bandar	485
• Pembinaan hospital dan peralatan baharu	1 800
• Subsidi kawalan harga barang	3 100

Sumber: Laporan Ekonomi 2021/2022

Jadual 7

Berapakah jumlah perbelanjaan mengurus kerajaan pada tahun tersebut?

- A RM715 juta
- B RM2 285 juta
- C RM3 330 juta
- D RM4 900 juta

28 Apakah tindakan bank pusat yang dapat menambah bekalan wang dalam pasaran?

- A Membeli surat jaminan kerajaan
- B Menaikkan kadar faedah pinjaman
- C Meningkatkan nisbah rizab berkanun
- D Memendek tempoh bayar balik pinjaman

32 Jadual 8 menunjukkan eksport dan import nampak Malaysia pada suatu tahun.

Butiran	Jumlah (RM juta)
Eksport kayu balak	9 948
Eksport gas asli cecair	11 300
Eksport barang perkilangan	317 937
Import barang modal	47 064
Import barang perantaraan	230 611

Jadual 8

Apakah keadaanimbangan dagangan negara tersebut?

- A Lebihan RM61 510 juta
 - B Lebihan RM339 185 juta
 - C Kurangan RM61 510 juta
 - D Kurangan RM339 185 juta
- 33 Antara yang berikut, yang manakah mendorongimbangan dagangan cenderung positif?
- I Peningkatan import produk tempatan oleh syarikat asing
 - II Firma tempatan menambah pelaburan di negara luar
 - III Kemasukan pelancong asing bertambah
 - IV Nilai ringgit rendah di pasaran global
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

34 Situasi yang manakah **betul** berkaitan permintaan atau penawaran Ringgit Malaysia (RM)?

	Situasi	RM
I	Rakyat Jepun ramai yang melancong ke Langkawi	Penawaran
II	Encik Ahmad dan keluarganya melancong ke Vietnam	Permintaan
III	Pasukan bola sepak JDT menggunakan khidmat jurulatih dari Jerman	Penawaran
IV	Syarikat kereta di Korea meningkatkan bekalan bahan getah dari Malaysia	Permintaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35 Jadual 9 menunjukkan perubahan kadar pertukaran di antara Dolar Amerika (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM) dari tahun 2021 kepada 2022.

Tahun	2021	2022
Kadar pertukaran	USD1 = RM4.30	USD1 = RM4.35

Jadual 9

Pernyataan yang manakah **betul** tentang perubahan kadar pertukaran tersebut?

- A Imbangan dagangan Malaysia cenderung negatif
- B Permintaan import oleh Malaysia berkurang
- C Harga barang buatan Amerika lebih murah
- D Amerika mengurangkan penawaran dolar

Soalan 36 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36 I Firma membuat pilihan kerana kekurangan sumber modal.
 II Kesan daripada pilihan akan wujud kos lepas iaitu keuntungan daripada projek pembangunan yang tidak dilaksanakan.
- 37 I Hukum penawaran menyatakan apabila harga meningkat, kuantiti ditawarkan menurun.
 II Hukum penawaran digambarkan oleh keluk penawaran yang mencerun ke atas dari kanan ke kiri.
- 38 I Jangka masa pendek merujuk kepada suatu tempoh masa yang singkat di mana firma dapat mengubah input tetap dan input berubah.
 II Dalam jangka masa pendek input tetap berubah secara langsung dengan tingkat output.
- 39 I Belanjawan lebihan menunjukkan perbelanjaan kerajaan melebihi jumlah hasil.
 II Belanjawan lebihan dilaksanakan bertujuan untuk mengawal tekanan inflasi.
- 40 I Penawaran ke atas Ringgit Malaysia berhubung secara langsung dengan permintaan terhadap barang import.
 II Contoh berlaku penawaran ringgit ialah Jepun meningkatkan import dari Malaysia.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

3767/1 Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
 Ekonomi K1 Set 1 Selangor 2023